

Saya bukan pemimpin separuh jalan: Abdullah

BH-11/12/2007

Manifesto BN pada Pilihan Raya Umum 2004 sedang dilaksana

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 2004 sedang dilaksanakan dan ia mengambil masa lebih daripada sepenggal untuk disempurnakan.

Sambil menyatakan beliau bukan pemimpin separuh jalan, Perdana Menteri berkata, segala perancangan kini berjalan lancar dan negara sudah memasuki fasa kedua pelaksanaan program pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Manifesto itu bukan sesuatu yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun saya berada di Pejabat (Perdana Menteri), tetapi ia untuk jangka panjang dan kita kini berada dalam fasa kedua pelaksanaan program untuk ke 2020.

"Saya bukan datang untuk lima

tahun dan kemudian mengucap selamat tinggal... anda tidak boleh meminta saya melakukannya dalam tahun ketiga, keempat atau kelima kepemimpinan saya. Bagaimanapun, saya sudah memulakan hampir semuanya," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan syarahan *Building Hearts And Minds* pada siri Syarahan Global Khazanah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah; Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim; dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, Misi Nasional yang dilancarkan sudah menunjukkan kejayaan awal dengan ekonomi negara bertambah mantap.

Beliau berkata, tiga koridor pembangunan yang dilancarkan di selatan, utara dan timur Semenanjung

yang akan disusuli di Sabah dan Sarawak juga bukan saja akan memangkin pertumbuhan ekonomi tetapi juga membolehkan penagihan kekayaan lebih adil di kalangan rakyat.

"Namun semua ini mengambil masa. Insha-Allah kita akan berjaya, saya ingin berjaya lebih daripada orang lain kerana saya bertanggungjawab terhadap apa yang saya lakukan," katanya sambil disambut tepukan gemuruh hadirin.

Menyentuh janji beliau untuk memerangi rasuah pada pelbagai peringkat, Abdullah berkata, usaha itu dilaksanakan secara berterusan walaupun ia bukan perkara mudah.

Malah, katanya, kecekapan sistem penyampaian kerajaan perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan kemungkinan rasuah dan kekuatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ditambah bagi membolehkan agensi itu melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Menjawab soalan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam yang dibawa mengikuti syarahan itu, Abdullah berkata, universiti berperanan menghasilkan graduan berminimda kelas pertama untuk membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan negara pada masa depan.

Katanya, atas kesedaran itulah kerajaan memberi tumpuan dan memberi peruntukan kepada aspek pendidikan serta pembangunan modal insan.

"Untuk mengadakan prasarana kelas pertama tidak sukar, jika ada duit ia boleh dibina... cuma untuk menghasilkan rakyat berminda kelas pertama mengambil masa," katanya.

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata, pendidikan juga adalah wadah bagi mempereratkan hubungan kaum di negara ini bagi mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia.